

Kesungguhan kakitangan ini membuktikan semangat patriotik rakyat Malaysia terutama warga kampus untuk menyambut kemerdekaan walaupun dalam kesibukan Ramadan.

Menurut Muhammad Faiz Ahmad, 39, berkata ibadah puasa yang dilalui oleh umat Islam pada hari ini adalah hasil kesungguhan dan perjuangan generasi terdahulu sehingga membolehkan ibadah ini dilakukan dengan sempurna.

"Sesungguhnya penghayatan erti kemerdekaan yang dilalui ini masih tidak cukup untuk kita merasai pengorbanan yang telah dilalui oleh para pejuang kemerdekaan suatu masa dahulu.

"Walaupun berpuasa, semangat kemerdekaan tetap berkobar dan ini tidak menghalang saya dan rakan-rakan sepejabat untuk menyemarakkan lagi sambutan kemerdekaan ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang di sekitar pejabat dan juga di kenderaan masing-masing" ujar beliau lagi.

Sementara itu, Mohd Hafiz Nor Alaihudin, 26, mendapat kemerdekaan dari penjajah lebih susah berbanding mengibarkan Jalur Gemilang.

"Sambutan bulan kemerdekaan sesungguhnya memberi keinsafan kepada kita bukan sahaja menahan lapar, dahaga dan perkara yang membatalkan puasa tetapi menyemarakkan semangat patriotik," ujarinya lagi.

Selain itu, UUM akan turut menganjurkan Perhimpunan Merdeka Peringkat UUM yang akan membabitkan lebih 3,000 kakitangan UUM yang akan mengibarkan Jalur Gemilang bersama dengan Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak pada 22 Ogos ini.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my